

TALKING POINT

**YB ENCIK MOHD AKMAL BIN KAMARUDIN
EXCO KESIHATAN, SAINS, ALAM SEKITAR DAN
TEKNOLOGI HIJAU KERAJAAN NEGERI PERAK**

**PROGRAM CSR RAMADAN 1443 HIJRAH – AKTIVITI MENYANTUNI
ANAK-ANAK YATIM / RUMAH ORANG-ORANG TUA / ASNAF
SEMPENA SAMBUTAN HARI BUMI SEDUNIA TAHUN 2022
PERINGKAT NEGERI PERAK**

SELAMA , 25 APRIL 2022 – Pejabat Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Sains, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau Kerajaan Negeri Perak bersama-sama Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Perak melalui Kelab Sukan dan Kebajikan JAS Negeri Perak dengan kerjasama Rakan Strategik JAS pada hari ini melaksanakan program atau aktiviti tanggungjawab sosial korporat (CSR) bagi menyantuni dan meraikan anak-anak yatim dan juga golongan asnaf. Program CSR ini diadakan sempena menyambut ketibaan bulan Ramadhan yang penuh barakah ini dan juga sempena sambutan Hari Bumi Sedunia 2022 peringkat Negeri Perak.

Program CSR ini bermatlamat untuk menyemai sikap simpati, empati, kasing sayang, keprihatinan dan saling mengambil peduli dikalangan masyarakat awam di Negeri Perak terhadap golongan anak-anak yatim yang kurang bernasib baik dan seterusnya menanam rasa syukur kepada Allah S.W.T atas segala nikmat yang telah dikurniakan melalui pemerhatian terhadap golongan yang kurang bernasib baik ini. Bulan Ramadhan yang penuh barakah ini adalah masa terbaik bagi mendekati anak-anak yatim yang tidak mempunyai sesiapa untuk bergantung dan dengan meraikan mereka sebegini pada hari ini diharapkan ianya dapat memberi sedikit keceriaan dan mengembirakan mereka. Seterusnya, agar kita sama-sama dapat menghayati makna disebalik kata-kata

menzahirkan sifat prihatin terhadap golongan asnaf dan kurang bernasib baik ini.

Program CSR kali ini juga diadakan bersempena Hari Bumi Sedunia yang jatuh pada 22 April setiap tahun dan ianya diharapkan dapat menerapkan dan menyemai kesedaran di kalangan masyarakat awam terhadap tanggungjawab usaha-usaha pemuliharaan dan perlindungan alam sekitar di Negeri Perak dan seterusnya menerapkan nilai-nilai murni alam sekitar selaras dengan dengan tema tahun 2022 ini iaitu **“INVEST IN OUR PLANET”**.

Program CSR Ramadan pada tahun ini adalah kesinambungan program-program CSR Ramadan yang telah diadakan tahun-tahun lepas dalam bulan yang penuh keberkatan dan juga bersempena sambutan Hari Bumi Sedunia peringkat Negeri Perak. Untuk makluman semua, sepanjang bulan ramadhan pada tahun ini, Kerajaan Negeri Perak dan JAS Perak melalui Kelab Sukan dan Kebajikan JAS Perak serta kerjasama rakan-rakan strategiknya akan menganjurkan beberapa program CSR Ramadan iaitu bermula pada hari ini 16 April 2022 dan seterusnya dengan penutupnya pada 25 April 2022 di Selama, Perak. Program CSR Ramadan yang dirancang pada tahun ini akan melibatkan bersama-sama Anak-Anak Yatim seramai 28 orang, bersama-sama Rumah Orang-Orang Tua seramai 18 orang, bersama-sama pelajar tahfiz seramai 100 orang dan bersama-sama keluarga miskin atau golongan asnaf seramai 60 orang.

Kejayaan Program CSR ini juga adalah dengan kerjasama yang erat dan sokongan yang padu dari Rakan-Rakan Strategik JAS Perak yang memberi bantuan tenaga dan sumbangan wang ringgit seperti Kenep Consultancy & Services Sdn Bhd., Eco Synergy Sdn Bhd., Perak Transit Sdn Bhd., Kitaran Recovery Sdn Bhd., Seleкта Spektra Sdn Bhd., Malay-Sino Chemical Industries Sdn Bhd., AMR Environmental Sdn Bhd., Getah

Upaya Sdn Bhd., Edsha Solutions Sdn Bhd., DNK Metal Sdn. Bhd., StyliS Sdn.Bhd., Chong Fok Hiyun Sdn. Bhd., S.Y. Plastic Sdn Bhd., Kilang Kelapa Sawit Tualang dan individu-individu perseorangan yang turut terlibat sama dalam memberi sumbangan.

Oleh itu, melalui usaha sebegini juga ianya diharapkan dapat mewujudkan satu jalinan kerjasama di antara agensi-agensi di bawah Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Pihak Swasta maupun pihak yang berkepentingan "*Stakeholder*" dalam usaha-usaha pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar di Negeri Perak dan seterusnya menerapkan nilai-nilai murni seperti yang dituntut oleh Islam dalam Pembangunan Fizikal Secara Lestari.

-TAMAT-